

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

1. Nyatakan kos gangguan bekalan air berjadual yang bermula pada 25 April 2025 ke atas PBAPP, termasuk kos pembaikan dan penyelenggaraan, serta kos sewaan lori tangki dan sebagainya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Anggaran kos gangguan bekalan air berjadual yang bermula pada 25 April 2025 ke atas PBAPP, termasuk kos pembaikan dan penyelenggaraan, serta kos sewaan lori tangki dan sebagainya masih belum dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, PBAPP telah menanggung kos sebanyak RM25 juta untuk menguruskan SWSI 2025 ini termasuk kerja-kerja pembaikan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

2. Nyatakan anggaran kerugian kepada para perniagaan, individu dan sektor ekonomi ekoran gangguan bekalan air berjadual pada 25 April 2025 dengan pecahan mengikut industri mana yang paling terjejas.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri dan PBAPP tidak mempunyai rekod anggaran kerugian kepada para perniagaan, individu dan sektor ekonomi ekoran gangguan bekalan air berjadual pada 25 April 2025 mengikut industri mana yang paling terjejas. Gangguan bekalan air berjadual (SWSI) ini juga telah dimaklumkan dengan lebih awal oleh PBAPP kepada semua sektor yang terlibat melalui sesi libat urus yang dilaksanakan termasuk juga kepada semua Ahli Parlimen dan ADUN kawasan bagi memastikan semua pihak bersedia dan mengambil langkah yang sewajarnya sepanjang tempoh gangguan bekalan air ini. Walau bagaimanapun, PBAPP telah menanggung kos sebanyak RM25 juta untuk menguruskan SWSI 2025 ini termasuk kerja-kerja pembaikan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

3. Nyatakan senarai syarikat yang menjalankan kerja-kerja pembaikan dan projek PBAPP setiap tahun sejak tahun 2018 dengan nilainya dan prestasi kerja.
- (a) Adakah syarikat yang berasal dari Pulau Pinang diberikan keutamaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Senarai syarikat yang menjalankan kerja-kerja pembaikan dan projek PBAPP setiap tahun sejak tahun 2018 dan prestasi kerja adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Syarikat yang berasal dari Pulau Pinang sememangnya diberikan keutamaan. Walau bagaimanapun, pemilihan bergantung kepada harga, pengalaman, pemilikan jentera dan kekuatan kewangan. Berikut adalah statistik kontrak-kontrak yang ditawarkan kepada syarikat yang berasal dari Pulau Pinang:

2018: 33 projek (84.62%)
2019: 27 projek (93.10%)
2020: 7 projek (77.78%)
2021: 14 projek (93.33%)
2022: 25 projek (89.29%)
2023: 23 projek (76.67%)
2024: 38 projek (80.85%)
2025: 12 projek (70.59%) (Suku pertama)

LIST OF WORKS TENDER APPROVED BY THE TENDER BOARD YEAR 2025

No	Tender	Contractor	Negeri	Prestasi
1	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI DAERAH TIMUR LAUT DAN DAERAH BARAT DAYA ("PBAPP") UNTUK 24 BULAN	247 GLOBAL INDUSTRIES SDN. BHD.	PULAU PINANG	MEMUASKAN
2	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN LOJI RAWATAN AIR MENGKUANG PARK BERKAPASITI 114JLH, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG UNTUK TETUAN PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	ASIA BARU CONSTRUCTION SDN BHD	SELANGOR	MEMUASKAN
3	KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN SIMEN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI DAERAH BARAT DAYA UNTUK 12 BULAN ("PBAPP")	CASSERRA UNGGUL ENTERPRISE	PULAU PINANG	MEMUASKAN
4	CADANGAN TRANSFORMER OIL FILTRATION BAGI ALATUBAH KUASA DI PEPASANGAN MILIK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	HW TECH ELECTRICAL SDN BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
5	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENTAULIAH SATU (1) UNIT PAM SET BERKAPASITI 90MLD DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI STESEN PAM BUKIT DUMBAR 2 (BD2), LOT 297-301, JALAN BUKIT DUMBAR, 10000 GEORGETOWN, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	INTAN HECTARE SDN. BHD.	SELANGOR	MEMUASKAN
6	PEROLEHAN PERKHIDMATAN BAGI PENYELENGARAAN BERJADUAL DAN PEMBAIKAN PAM SELAM ANGKAT RENDAH DI RUMAH PAM LAHAR TIANG DAN LOJI RAWATAN AIR SG. DUA UNTUK TEMPOH 2 TAHUN (2025 – 2027) UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	KEJURUTERAAN YUN LOONG SDN. BHD.	SELANGOR	MEMUASKAN
7	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG & MENTAULIAH SISTEM PLC UNTUK AUTOMASI SISTEM PAM DI RUMAH PAM BUKIT MINYAK & RUMAH PAM BUKIT MERTAJAM UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG	NIXMA TECHNOLOGY (M) SDN BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
8	MEMBEKAL DAN MEMASANG KERANGKA PANEL RTU DAN PLC BARU UNTUK MENGGANTIKAN KERANGKA PANEL SESAK SEDIA ADA DI STESEN BUKIT DUMBAR LAMA DAN KEMASKINI STATUS PENGEMPAMAN TELUK KUMBAR DI RTU DAN PLC	NIXMA TECHNOLOGY (M) SDN BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
9	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJITERIMA SATU (1) UNIT 11KV MEDIUM VOLTAGE DRIVE (MVD) PEMULA MOTOR BAGI OLD HIGH LIFT PUMP NO. 10 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA, SPU, PULAU PINANG.	NLE ELECTRICAL ENGINEERING SDN BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
10	KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN SIMEN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI DAERAH TIMUR LAUT UNTUK 12 BULAN ("PBAPP")	PELANGI VENTURE	PULAU PINANG	MEMUASKAN
11	PERKHIDMATAN PERUNDINGAN KEJURUTERAAN BAGI KERJA-KERJA PEMBEKALAN DAN PENGGANTIAN PAIP DI KAWASAN SEBERANG PERAI SELATAN (S.P.S), PULAU PINANG. (PAKEJ 14)	PERUNDING PINANG SDN. BHD.	PULAU PINANG	MEMUASKAN
12	LANTIKAN KECEMASAN UNTUK KERJA-KERJA PENGALIHAN SESALUR PAIP DN 900mm BESI KELULI LEMBUT SEDIADA KEPADA DN 900mm BESI KELULI LEMBUT BARU MELALUI JALAN SUSUR, DI LEBUHRAYA TUN DR. LIM CHONG EU / MAJLIS SUKAN NEGERI, BATU UBAN, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	SRI TANJONG BINA SDN. BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
13	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SATU (1) UNIT MOTOR 400KW VARIABLE SPEED DRIVES & KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOJI RAWATAN AIR BATU FERRINGHI (TENDER SEMULA)	TALENT INTEGRATION SDN BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
14	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 36,000M3 KOLAM TAKUNGAN BERTETULANG DI PT16 (LOT 646) SEKSYEN 4, JALAN JELUTONG, BANDAR JELUTONG (BUKIT DUMBAR), D.T.L., PULAU PINANG (R6)	TEKUN TERAJU TEKNIK (M) SDN BHD	PERAK	MEMUASKAN
15	CADANGAN MEMBAIKI 33KV/11KV 8MVA POWER TRANSFORMER NO.2 KEBOCORAN MINYAK DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PAM MENGKUANG MAK SULONG, S.P.T., PULAU PINANG	TES ELECTRICAL SDN BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
16	CADANGAN UNTUK MEMBINA (REKA & BINA) "SLUDGE DEWATERING FACILITY" DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	WASSER DYNAMIC SDN BHD	SELANGOR	MEMUASKAN
17	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KERJA-KERJA PENSTABILAN CERUN DI 3 LOKASI CERUN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI TANAH RUNTUH SEPANJANG AQUEDUCT BATU FERINGGI UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	XLY GEOTECH SDN BHD	PULAU PINANG	MEMUASKAN
Kontrak Kerja yang dianugerahkan kepada syarikat berasal dari Pulau Pinang		70.59%		

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

4. Nyatakan kesan tarif Amerika Syarikat ke atas ekonomi Pulau Pinang dari aspek impak kos dan industri mana yang paling terjejas serta jenis bantuan kewangan yang boleh diberikan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. (a) **Kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik seperti berikut:**

Pengenaan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport 57 negara dan wilayah sememangnya telah menggegarkan dunia termasuk Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik memandangkan Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023. Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebih dagangan bernilai RM 57.7 bilion pada tahun 2024. Justeru, pelaksanaan tarif ini dikhuatiri bakal memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia.

(i) Kesan kepada Pulau Pinang:-

(1) Pemain Industri

Situasi kenaikan tarif menyebabkan pembelian dan pesanan dari Amerika Syarikat menjadi perlahan. Situasi ini menyebabkan perniagaan pemain-pemain

industri di Pulau Pinang menjadi kurang berdaya saing seterusnya memberi tekanan dan menggugat kesinambungan perniagaan pemain industri dalam ekonomi negeri.

Syarikat-syarikat berorientasikan eksport kini menilai semula strategi perniagaan dengan serta-merta. Banyak syarikat kini menyemak semula unjuran untung dan rugi (*profit and loss*) masing-masing sambil meneroka usaha penjajaran semula rangkaian bekalan.

Perniagaan antarabangsa dan tempatan di Pulau Pinang mengambil langkah berhati-hati serta pendekatan tunggu dan lihat (*wait-and-see approach*). Perkara ini secara tidak langsung telah melambatkan keputusan pelaburan dan perancangan jangka panjang.

(2) Sektor Elektrik dan Elektronik

Terdapat kebimbangan meningkat mengenai kemungkinan akan berlaku lambakan inventori berlebihan dari negara-negara serantau ke dalam pasaran tempatan Malaysia. Situasi ini akan menjejaskan harga pasaran dan meningkatkan jumlah inventori tidak terjual.

(3) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Situasi lambakan inventori berlebihan dari negara luar ini boleh menggugat pengilang tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mengganggu harga pasaran barangan serta mengurangkan lagi margin keuntungan PKS tempatan.

Industri PKS tempatan turut terkesan kerana kenaikan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh polisi-polisi dalam negara. Ia termasuk gaji minimum baru, peningkatan tarif elektrik, peningkatan cukai jualan dan perkhidmatan. Selain itu, PKS juga perlu menghadapi peningkatan pemerolehan asing syarikat tempatan yang menyebabkan PKS bergelut untuk

bersaing dalam kos dan produktiviti. Namun begitu, PKS tempatan juga boleh menikmati manfaat dari strategi *China Plus One*.

(4) Industri Semikonduktor

Pengenaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat berpotensi memberi impak signifikan dan menjejaskan persepsi pelabur terhadap daya saing industri semikonduktor di Pulau Pinang sebagai destinasi eksport utama ke pasaran Amerika Syarikat.

(5) Pelaburan

Terdapat kemungkinan pemindahan operasi pengilangan ke negara-negara yang menerima impak tarif lebih rendah dan/atau memindahkan sebahagian operasi ke Amerika Syarikat. Terdapat pengusaha-pengusaha sedang mempertimbangkan memindah sebahagian rantai bekalan pembuatan ke negara Mexico dan Brazil. Akan tetapi, keputusan muktamad masih belum dibuat disebabkan keadaan yang tidak menentu dan perubahan dasar yang begitu pantas dan di luar jangkaan.

(b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri bersedia membantu syarikat tempatan menyesuaikan strategi dagangan?

Kerajaan Negeri komited dalam menjajarkan semula, menentu ukur semula dan mengesahkan semula peranan Pulau Pinang sebagai pemacu ekonomi utama negara. Kerajaan Negeri akan mengatasi rintangan ini menerusi kerjasama, penyelarasan dan keyakinan terhadap rakyat dan industri.

Susulan itu, satu sesi perbincangan bertajuk “Tindak Balas Strategik terhadap Tarif Amerika Syarikat” telah diadakan pada 11 April 2025 di *Penang Institute*. Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh 35 peserta termasuk wakil Kerajaan Negeri, agensi Negeri dan Persekutuan, Bank Negara Malaysia, institusi pendidikan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan, PKS dan syarikat multinasional. Berikut adalah hasil perbincangan tersebut iaitu:

- (i) Penubuhan Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (*Penang Tariff Monitoring Taskforce*) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan; dan
- (ii) Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) yang akan membantu industri menyesuaikan strategi perniagaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi *Invest Penang* telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemain industri. Sesi-sesi berkenaan turut dihadiri oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Hasil dapatan yang diperolehi turut dikongsi kepada kementerian-kementerian berkenaan.

(c) Apakah insentif atau pelan mitigasi yang telah dirangka bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat?

Sebagaimana intipati usul YAB Ketua Menteri pada sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu, Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif, insentif atau pelan mitigasi untuk mempelbagaikan domain pasaran antarabangsa bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengurangkan kebergantungan pada satu negara tertentu untuk akses pasaran iaitu:

- (i) Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) bagi pemain-pemain industri. Kit Penyesuaian ini akan merangkumi sumber praktikal untuk membantu pemain-pemain industri memanfaatkan pasaran alternatif di bawah perjanjian perdagangan serantau dalam ASEAN serta perjanjian-perjanjian sedia ada seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP);

- (ii) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri, *Invest Penang* juga aktif menjalankan misi pelaburan dan perdagangan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya saban tahun. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mencari peluang-peluang pasaran baharu. Selain itu, *Invest Penang* juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology* (WCIT) dan sebagainya. Usaha ini dapat meningkatkan keterlihatan (*visibility*) Pulau Pinang kepada pasaran-pasaran baharu;
- (iii) Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantai nilai semikonduktor, Kerajaan Negeri akan mengekalkan komitmennya terhadap garis panduan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*. Kemajuan ini akan dicapai dengan memupuk jaguh tempatan dalam reka bentuk litar bersepadu (IC). Jumlah pelaburan untuk inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* diunjurkan sebanyak RM120.0 juta dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah bersama-sama mewujudkan geran padanan untuk memacu inisiatif ini ke hadapan. Kerjasama ini akan meletakkan Malaysia, khususnya Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju terkemuka dalam ekosistem reka bentuk IC, memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi; dan
- (iv) Bagi menarik dan menyokong lebih ramai pemain reka bentuk IC menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun kepada kedua-dua syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang berpangkalan di Malaysia. Walau bagaimanapun, inisiatif ini bergantung kepada pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan

dalam memastikan pelaksanaan penuh program dan sokongan untuk pertumbuhan industri ini.

(d) Perkembangan/Analisi Terkini:

Berasaskan pengumuman serta analisis terkini pada 15 Mei 2025 bertajuk “Ahli Ekonomi Percaya Tarif Asas 10 peratus Amerika Syarikat Akan Dikekalkan” menyatakan bahawa tempoh 90 hari penangguhan peningkatan tarif antara Amerika Syarikat (AS) dan China dilihat sebagai langkah meredakan ketegangan, sekali gus mengurangkan kemungkinan tercetusnya perang perdagangan secara menyeluruh.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mungkin akan menghadapi rundingan yang kurang tegang dengan AS berbanding pengalaman China. Namun, negara-negara lain termasuk Malaysia perlu bersedia menerima tarif asas 10 peratus dan mempertimbangkan untuk membuat konsesi bagi mencapai hasil yang saling menguntungkan. Umumnya, genjatan senjata tarif sementara ini telah meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi negara, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi disemak semula ke arah yang lebih positif.

Sementara itu, dalam analisis artikel siaran media perdana, The Star juga pada 15 Mei 2025 bertajuk “Malaysia masih lokasi utama untuk kepelbagaian rantai bekalan” menegaskan bahawa ketegangan perdagangan antara dua (2) gergasi AS dan China yang dikatakan ‘reda’ buat sementara waktu menjadikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan strategi "China+1" untuk mempelbagaikan rantai bekalan masing-masing.

Malah, penggantungan tarif selama 90 hari antara AS dan China tidak mungkin membawa kepada perjanjian jangka panjang. Tarif yang tinggi dijangka akan berterusan, sekali gus mengukuhkan keperluan untuk kepelbagaian rantai bekalan. Walaupun begitu, kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kos buruh yang kompetitif serta kadar pertukaran menggalakkan akan terus menjadikan negara ini pilihan menarik bagi syarikat multinasional (MNC) yang ingin mempelbagaikan operasi mereka.

Walaupun aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mungkin mengalami turun naik dalam jangka masa pendek akibat ketidakpastian semasa, unjuran jangka panjang kekal positif dengan jangkaan peningkatan pelaburan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Pengoperasian perniagaan dijangka mengambil pendekatan tunggu dan lihat sepanjang tempoh kelonggaran 90 hari ini, dengan menangguhkan pelaburan besar sehingga terdapat petunjuk yang lebih jelas daripada rundingan antara AS dan China.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

5. Senaraikan syarikat swasta yang gagal menjalankan projek PBAPP sejak tahun 2022 dengan baik, nilainya dan tindakan yang diambil ke atas mereka, khususnya yang menyebabkan bekalan air terputus dengan begitu serius dalam beberapa kejadian pada tahun 2023 dan 2024.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Senarai syarikat swasta yang gagal menjalankan projek Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sejak tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, kegagalan sesebuah projek tidak semestinya menyebabkan gangguan bekalan air secara langsung. Banyak projek yang mengalami kelewatan atau ketidakpatuhan spesifikasi masih berada dalam kawalan operasi PBAPP tanpa menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

Pihak PBAPP telah mengambil tindakan ke atas kontraktor khususnya yang menyebabkan bekalan air terputus dengan begitu serius dalam beberapa kejadian pada tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

- (i) Pengeluaran surat amaran dan surat tunjuk sebab;
- (ii) Penamatan kontrak bagi kontraktor yang gagal memperbaiki prestasi;
- (iii) Penggantungan daripada menyertai tender PBAPP untuk tempoh tertentu; dan

- (iv) Tuntutan ganti rugi mengikut terma kontrak bagi projek yang terbengkalai atau rosak.

PBAPP komited untuk memastikan hanya kontraktor yang berwibawa dan berprestasi baik diberikan peluang untuk melaksanakan projek-projek masa hadapan demi menjaga kepentingan pengguna air di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd

List of Suspended Contractors

No	Date of Suspension	Company Name	Project	Remarks (Internal use)
1	12.04.2021	Pro Jack Engineering Sdn Bhd	Pembekalan dan Pemasangan Paip Keluli Lembut bergarispusat 900mm DN dari Jalan Tun Dr Awang ke Jalan Paya Terubong, DBD	Keputusan Lembaga Tender
2	12.04.2021	KZ Engineering Sdn Bhd	Pembinaan Sebuah Kolam Air Konkrit Tetulang Berkapasiti 27 Juta Liter di Loji Saringan Batu Ferringhi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Keputusan Lembaga Tender
3	12.04.2021	Kejuruteraan Jaya Optima Sdn Bhd	900 mm MS from Bukit Dumber Pump Station to Jalan Yeap Chor Ee & Jalan Masjid Negeri, DTL, Pulau Pinang	Keputusan Lembaga Tender
4	12.04.2021	Proptimum Sdn Bhd	Pembekalan & Penggantian Paip-paip 100mm AC, 150mm AC dan 50mm GI kepada 150mm Besi Mulur (1254m) dan 50mm PAC (629m) di kawasan Jalan Batu Bukit, Tanjong Tokong, DTL	Keputusan Lembaga Tender

5	09.08.2023	FMD Classic Venture	Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Simen untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd bagi Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya , Pulau Pinang untuk 6 Bulan.	Failure to carry out works within time frame
6	09.08.2023	Yoges & Ravind Enterprise	Kerja-kerja Menurap Semula Jalan untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd bagi Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya	Failure to comply to specification, complete works within time frame and poor quality of work rendered
7	21.04.2025	Melati Tuah Sdn Bhd	Kerja-Kerja Penggantian Pagar Reservoir Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Desa Mutiara 2, Gelugor, D.T.L, Pulau Pinang	Failed to carry out works within time frame
8	21.04.2025	Pulau Reka Enterprise	Kerja-kerja Pembaikan Kerosakan Simen untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Bagi Daerah Barat Daya Untuk 12 Bulan	Failed to carry out works within time frame
9	21.04.2025	Noor Azrul Enterprise	Kerja-kerja Pembaikan Kerosakan Simen untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Bagi	Failed to carry out works within time frame

			Daerah Timur Laut Untuk 12 Bulan	
--	--	--	-------------------------------------	--

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

6. Nyatakan peningkatan peratusan kadar air tidak terhasil (NRW) setiap tahun sejak tahun 2017 dan jumlah kehilangan hasil NRW ini.
- (a) Adakah NRW akan dikurangkan pada tahun 2025 selepas pembaikan paip dijalankan pada 25 April ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Peningkatan peratusan kadar air tidak terhasil (NRW) setiap tahun sejak tahun 2017 dan jumlah kehilangan hasil NRW adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) NRW akan dapat dikurangkan pada tahun 2025 selepas kerja-kerja pembaikan paip yang telah dijalankan pada 25 April 2025 yang lalu. Kerja-kerja pembaikan paip tersebut akan memberi manfaat seperti berikut:-
- (i) Peningkatan bekalan air terawat lebih banyak daripada LRA Sungai Dua (di Seberang Perai dan di bahagian pulau) dalam keadaan biasa;
 - (ii) Tekanan bekalan air yang lebih baik di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) serta di Daerah Timur Laut (DTL) dan Barat Daya (DBD) di bahagian pulau;
 - (iii) Pengurangan isu bekalan air terputus-putus di beberapa kejuranan hujung paip agihan (HPA) dan kawasan tinggi di SPS dan DBD;

- (iv) Masa pemulihan bekalan air yang lebih pantas berikutan gangguan bekalan air berjadual (SWSI) dan gangguan bekalan air tidak berjadual (UWSI) pada masa hadapan yang timbul daripada kejadian tidak dijangka; dan
- (v) Bekalan air yang lebih stabil ketika “musim puncak” seperti musim perayaan apabila penggunaan air tinggi di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua.

LAMPIRAN A

TAHUN	JUMLAH PENGELUARAN (JLH)	JUMLAH PENGUNAAN (JLH)	NRW %	TEKANAN PURATA SUNGAI WTP (m)
2017	1,058	826	21.9	68.89
2018	1,073	840	21.7	72.59
2019	1,093	843	22.9	72.18
2020	1,108	847	23.5	77.39
2021	1,126	860	23.6	80.20
2022	1,178	868	26.3	81.55
2023	1,198	877	26.8	81.22
2024	1,211	872	28.0	83.5

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

7. Nyatakan status kuil Hindu dalam Klinik Kesihatan Butterworth dan kemajuan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk mengesahkan statusnya.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kuil Hindu yang terletak di dalam Klinik Kesihatan Butterworth adalah sebuah kuil lama yang telah didirikan sejak tahun 1960-an.

Pada 5 Mei 2025, PDT SPU telah mengadakan mesyuarat yg dihadiri oleh wakil JKN, JKPTG, Pej. YB ADUN & pengurusan kuil.

Walau bagaimanapun, pengurusan kuil tidak dapat memutuskan pemilihan tapak ganti yang disyorkan dalam mesyuarat. Oleh yang demikian, pengurusan kuil diberi tempoh sehingga akhir Mei 2025 untuk mengemukakan beberapa tapak lain yang bersesuaian sekiranya ada untuk PDT SPU membuat semakan status pemilikan & seterusnya menyelaraskan pemindahan kuil.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

8. Mengapakah tidak ada ruang letak kereta yang mencukupi untuk kawasan RIBI Ampang Jajar di Bagan dan Ahli EXCO manakah yang meluluskan begitu banyak permohonan dengan tapak berbentuk "kecil-kecilan"?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Perancangan awal untuk penyediaan tempat letak kereta bagi projek ini adalah di atas sebahagian tanah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Indah Water Konsortium (IWK) yang terletak berhampiran tapak projek. Walau bagaimanapun, penyediaan ini tidak dapat diteruskan atas sebab isu teknikal dan implikasi kewangan tambahan kepada Kerajaan Negeri. Namun begitu, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) mengambil maklum keperluan untuk menyediakan tempat letak kereta bagi tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Ampang Jajar, Bagan.

Pihak Berkuasa Negeri melalui mesyuarat MMK Bil.31/2018 bertarikh 19 September 2018 dan disahkan pada 26 September 2018 telah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian dan Penawaran Tanah untuk menguruskan proses penawaran tanah RIBI di Ampang Jajar, Bagan kepada pemohon. Jawatankuasa Penilaian dan Penawaran Tanah terdiri daripada keanggotaan seperti berikut:-

- (a) YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh – Pengerusi (mantan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa;
- (b) YB Phee Boon Poh (mantan Exco Alam Sekitar dan Kebajikan);dan

(c) YB Soon Lip Chee (mantan Exco Belia dan Sukan).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

9. Nyatakan status projek-projek pembangunan dalam KADUN Air Putih dari aspek fizikal seperti jalan, longkang dan Perumahan Mampu Milik dengan butiran lanjut seperti kos dan pengusaha.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. Maklumat projek pembangunan di KADUN Air Putih berkaitan jalan dan longkang berserta kos dan pengusaha adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Bagi Perumahan Mampu Milik, tiada pembangunan di DUN Air Putih berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang di bawah Rumah Mutiaraku (RMKu) sehingga 20 April 2025.

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN DI KADUN AIR PUTIH**

NO	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PEMBEKAL / KONTRAKTOR	STATUS
1	Kerja-Kerja Naik Taraf Longkang Pecah di 336-C-Lorong Air Putih dan Kerja-Kerja Berkaitan	11,980.00	Pembinaan Roslili	Fasa Pelaksanaan
2	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Perabot Jalan Tanda Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Zon Tengah Dan Sekitarnya, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	100,000.00	Belum Ditawarkan	Fasa Perancangan
3	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pejalan Kaki Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Padang Tembak, Air Putih Dan Sekitarnya, DTLPP	200,000.00	Belum Ditawarkan	Fasa Perancangan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

10. Apakah status projek kereta kabel Bukit Bendera, sama ada kosnya kekal atau meningkat dan adakah tarikh persiapan mengikut jadual?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Secara keseluruhannya, kemajuan kerja di tapak bagi projek kereta kabel telah mencapai 7% dan mengikut jadual sehingga 26 April 2025. Perincian kerja-kerja yang dilaksanakan mengikut komponen tapak projek adalah seperti berikut:

(a) Tempat Letak Kereta Bertingkat

- (i) Kerja-kerja perobohan bangunan astaka lama telah diselesaikan sepenuhnya;
- (ii) Kerja pemasangan *silt fence* dan pembinaan *silt pond* telah disiapkan sebagai sebahagian daripada langkah kawalan hakisan dan enapan; dan
- (iii) Kerja-kerja pengisian bahan tanah sedang giat dijalankan bagi menyediakan platform untuk pelaksanaan kerja substruktur.

(b) Stesen *Garden*

- (i) Kerja-kerja substruktur *caisson* giat dijalankan dan 4/4 *point* telah berjaya disiapkan;

- (ii) Kerja-kerja pemecahan batuan serta penggalian tembok penahan sedang dilaksanakan bagi penyediaan struktur asas; dan
- (iii) *Pile cap* untuk *Rear Mast Bottom* (RMB) telah siap.

(c) Stesen Turn

- (i) Kerja-kerja substruktur *caisson* diteruskan dengan kemajuan 8/8 *point* yang sedang dilaksanakan.

(d) Stesen Hill

- (i) Kerja-kerja perobohan struktur lama telah disiapkan;
- (ii) Kerja-kerja substruktur *caisson* diteruskan dengan kemajuan 22/24 *point* yang sedang dilaksanakan; dan
- (iii) *Settlement marker* telah dipasang di tapak bagi tujuan pemantauan mendapan secara berterusan.

(e) Jajaran Kereta Kabel

- (i) Kerja-kerja substruktur *caisson* untuk *phylon towers* sedang giat dijalankan bagi 12/33 *point* dan bagi *tower* 1, 2 dan 3 telah disiapkan; dan
- (ii) Kerja-kerja substruktur *caisson* untuk *phylon towers* sedang giat dijalankan bagi 12/33 *point* dan bagi *tower* 1, 2 dan 3 telah disiapkan.

Selain itu, penghantaran *Template* Tapak Menara dan *Bolt* Penahan dari Austria telah tiba di tapak pembinaan. Kerja-kerja fabrikasi *steel towers* sedang berjalan di kilang fabrikasi yang ditetapkan. Dari aspek pengurusan alam sekitar, kawalan pematuhan alam sekitar dilaksanakan secara aktif di semua kawasan kerja yang terlibat. *Environmental Management Plan* (EMP) suku tahunan juga telah dihantar secara konsisten kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk pemantauan. Di samping itu, pihak konsesi turut menjalankan pemantauan kualiti air secara berkala di Stesen *Hill* dan Stesen *Garden*.

Pada peringkat awal, kos pembinaan projek ini dianggarkan sebanyak RM245 juta berdasarkan anggaran pihak Hartasuma Sdn.

Bhd. pada November 2021. Walau bagaimanapun, kos tersebut kini dijangka meningkat lebih daripada RM400 juta disebabkan kenaikan harga bahan binaan, perubahan kadar pertukaran mata wang asing, upah tenaga kerja serta penyesuaian anggaran kos terkini mengikut perubahan pasaran dan keperluan pembinaan. Sasaran pembinaan projek akan siap pada Disember 2026, dan operasi dijadualkan bermula pada suku pertama tahun 2027 (Q1 2027).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

11. Nyatakan sebab projek pelebaran Jalan Tok Kangar oleh PDC masih belum siap dibina selama lima tahun, kosnya dan bilakah ia akan siap.
 - (a) Apakah jenis tindakan yang diambil ke atas pegawai PDC yang bertanggungjawab dan kontraktor yang gagal?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Projek pelebaran Jalan Tok Kangar (Fasa 2) yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengalami kelewatan disebabkan oleh pelanggaran terma kontrak oleh pihak kontraktor asal yang gagal untuk menyiapkan kerja-kerja turapan bagi jalan lencongan dari CH1500 sehingga CH2300 (bersebelahan Lebuhraya Utara-Selatan) yang sepatutnya bermula pada 1 Mac 2024. Kontraktor tersebut turut enggan memulakan kerja-kerja pelebaran jambatan berhampiran City Zone Express yang sepatutnya bermula pada 1 Jun 2024. Kontraktor tersebut kemudiannya telah mengemukakan surat permohonan penamatan kontrak pada 24 Jun 2024.

Nilai kontrak bagi lantikan Kontraktor Penyiap dengan skop yang sama adalah sebanyak RM22,981,386.50 dengan penambahan kos sebanyak RM1,175,162.40. Kerja-kerja di tapak telah bersambung pada 15 April 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat tahun 2026.

- (a) PDC memandang serius berkenaan isu pengurusan projek pembangunan di bawah pelaksanaannya dan telah menggantikan pasukan asal projek kepada pasukan baharu. Kontraktor asal telah ditamatkan kontrak pada 23 Disember 2024

dan disenarai hitam untuk projek-projek Kerajaan Negeri dan PDC. Selain itu, Wang Jaminan Pelaksanaan dari kontraktor asal turut ditahan. Sebarang kos tambahan dari kos kontrak Kontraktor Penyiap akan dituntut ke atas kontraktor asal.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

12. Apakah rasionalnya anggota pentadbiran PDC diberikan bonus enam bulan yang tidak diberikan kepada agensi Kerajaan Negeri lain sedangkan PDC terlibat dengan pelbagai kontroversi penjualan tanah dan banyak projek pembinaan yang masih belum siap?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah meluluskan pemberian ganjaran prestasi bersamaan 5 bulan gaji berdasarkan *Balance Score Card* (BSC) yang merekodkan pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2024 iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 85%. Hanya 25% daripada kakitangan PDC menerima bonus tertinggi (6 bulan) seperti mana dinyatakan.

Justifikasi kepada cadangan pihak pengurusan PDC kepada Lembaga PDC adalah bagi pemberian ganjaran prestasi adalah berdasarkan kepada penilaian berikut:

- (i) Pencapaian prestasi keuntungan sebelum cukai dan zakat pada tahun 2024 berjumlah RM527.1 juta berbanding dengan tahun 2023 iaitu sejumlah RM276.6 juta adalah paling tinggi dengan peningkatan sebanyak 91%;
- (ii) Pencapaian prestasi sebenar keseluruhan bajet yang cemerlang iaitu 104% (hasil) dan 96% (belanja);
- (iii) Penjimatan faedah dari bayaran awal *prepayment* pinjaman berjangka berjumlah RM8.6 juta;

(iv) Pelaksanaan program pelaburan strategik (berimpak tinggi).

Walaupun PDC dilaporkan terlibat dengan beberapa projek kontroversi penjualan tanah dan projek pembinaan yang masih belum siap, perkara ini juga telah dinilai semasa keputusan dibuat dan tindakan susulan atau *catch up plan* telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan PDC bagi memulihkan pelaksanaan projek tersebut agar berjalan seperti yang dirancang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

13. Nyatakan projek-projek PDC yang gagal siap mengikut jadual sejak tahun 2015, dengan butiran terperinci berkaitan nilai, nama kontraktor, tindakan yang diambil dan bayaran ganti rugi yang dikenakan dan status projek sekarang.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Terdapat dua (2) projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang gagal siap mengikut jadual sejak tahun 2015 iaitu:
- (i) Cadangan projek pelebaran jalan dan menaiktaraf jalan dari satu lorong dari Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. (Fasa 2); dan
 - (ii) Cadangan pelebaran Jambatan Batu Kawan sedia ada merentasi Sungai Jejawi Di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Butiran terperinci berkaitan dua (2) projek ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**SENARAI PROJEK PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)
YANG GAGAL SIAP MENGIKUT JADUAL SEJAK TAHUN 2015**

BIL.	TAJUK PROJEK	MAKLUMAT PROJEK	TINDAKAN PDC	STATUS SEMASA
1.	Cadangan projek pelebaran jalan dan menaiktaraf jalan dari satu lorong dari Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. (Fasa 2)	MMA Construction & Engineering Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama projek ini dengan nilai kontrak RM21,555,000.00. Projek ini mula dijalankan pada 1 Ogos 2019 dan tarikh siap asal pada 31 Julai 2021. Namun projek ini dilanjutkan sehingga 13 Februari 2025.	Notis Penamatan Kontrak telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 23 Disember 2024. Kontraktor ini telah disenaraihitam untuk projek Kerajaan Negeri dan PDC. Wang Jaminan Pelaksanaan dari kontraktor asal telah ditahan. Sebarang kos tambahan dari kos kontrak penyiap akan dituntut ke atas kontraktor asal kelak.	Kontraktor penyiap telah dilantik untuk menyiapkan baki kerja di tapak bermula pada 15 April 2025 dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2026.
2.	Cadangan pelebaran Jambatan Batu Kawan sedia ada merentasi Sungai Jejawi Di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	Zibina Jaya Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama projek ini dengan nilai kontrak RM31,601,168.80. Projek ini mula dijalankan pada 3 Mei 2017 dan tarikh siap asal pada 2 Mei 2019. Namun projek ini dilanjutkan sehingga 18 Julai 2022.	Notis Penamatan Kontrak telah dikeluarkan kepada kontraktor asal pada 20 Jun 2023. Kontraktor ini telah disenaraihitam. Wang Jaminan Bank dari kontraktor asal telah ditahan.	Projek ini telah siap sepenuhnya oleh kontraktor penyiap pada 30 September 2024 dan telah dibuka untuk kegunaan orang awam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

14. Nyatakan jumlah bonus yang dibayar oleh PDC pada tahun lepas dan senarai nama yang mendapat bonus lebih dua bulan serta prestasi kerja yang menyerlah.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Jumlah keseluruhan bonus bagi tahun 2024 yang dibayar oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah berjumlah **RM6.68 juta**.

Pemberian bonus melebihi dua (2) bulan hanya diperuntukkan kepada kakitangan yang mencapai markah Laporan Nilaiain Prestasi Tahunan (LNPT) tahun 2024 melebihi 85%. Pemberian secara keseluruhan adalah sebagaimana jadual berikut:

Bil. Kakitangan menerima bonus melebihi dua (2) bulan	350
Bil. Kakitangan menerima bonus kurang daripada dua (2) bulan	8
Jumlah Kakitangan PDC	358 Orang

Perincian pemberian bonus melebihi dua (2) bulan kepada kakitangan PDC mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

Pecahan Bil. Kakitangan menerima bonus melebihi 2 bulan	Bilangan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	
Kategori: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif	2 orang
Jumlah Kakitangan Kumpulan Pengurusan Tertinggi	2 orang
Kumpulan Pengurusan & Professional	
Kategori A: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	2 orang
Kategori A: Pengurus Kanan	7 orang
Kategori A: Pengurus	30 orang
Kategori A: Penolong Pengurus Kanan	17 orang
Kategori A: Penolong Pengurus	59 orang
Jumlah Kakitangan Pengurusan & Professional	115 orang
Kumpulan Pelaksana/Sokongan	
Kategori B: Pelaksana/Sokongan	75 orang
Kategori C: Pelaksana/Sokongan	133 orang
Kategori D: Pelaksana/Sokongan	25 orang
Jumlah Kakitangan Pelaksana/Sokongan	233 orang
Jumlah Keseluruhan Kakitangan	350 orang

Sebagai makluman, kakitangan yang menerima bonus kurang dua (2) bulan adalah kakitangan yang bersara dalam tahun yang dinilai, kakitangan yang berprestasi rendah (LNPT kurang daripada 85%) dan kakitangan yang dalam tindakan disiplin.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

15. Nyatakan apakah tanggungan Kerajaan Negeri untuk menghantarkan bekas TYT Gebenor Negeri Pulau Pinang sebagai ucapan terima kasih atas perkhidmatan beliau.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Kelayakan pencen dan lain-lain faedah kepada mantan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah digariskan dalam Enakmen Pencen dan Lain-lain Faedah Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Bil. 3 Tahun 1983 (Pindaan 2001). Sehubungan itu, kelayakan mantan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (a) Rumah Kerajaan dengan kelengkapan dan diselenggarakan oleh Kerajaan atau di mana ia menduduki rumah sendiri, maka dibayar elaun rumah sebanyak RM3,000.00 sebulan;
- (b) Kakitangan:
 - (i) Dua (2) orang Pelayan Rumah atau ganti sebagai elaun sebanyak RM1,700.00 sebulan bagi setiap pelayan rumah sama ada kedua-dua pelayan rumah ini diambil kerja atau tidak;
 - (ii) Seorang (1) Pengawal Keselamatan atau sebagai ganti elaun sebanyak RM1,700.00 sebulan sama ada diambil bekerja atau tidak;
- (c) Bekalan elektrik dan air untuk rumah ditanggung oleh Kerajaan;

- (d) Dibekalkan satu (1) telefon bimbit dengan harga maksima RM5,000.00 dan boleh ditukar setiap tiga (3) tahun serta bil bagi panggilan tempatan ditanggung oleh Kerajaan;
- (e) Wang tunai berjumlah RM1,000,000.00 diluluskan untuk tujuan pembelian kereta;
- (f) Elaun pemandu kereta sebanyak RM1,700.00 sebulan sama ada seorang pemandu diambil bekerja atau tidak;
- (g) Kemudahan perubatan:
 - (i) Percuma di hospital dan klinik Kerajaan termasuk isteri dan anak-anak tanggungannya (18 tahun dan ke bawah);
 - (ii) Ia dan isteri atau balu layak dirawat di wad kelas satu (bilik khas) sementara orang-orang tanggungannya yang lain layak dirawat di wad kelas satu; dan
 - (iii) Ia dan isteri atau balu layak dirawat di hospital dan klinik swasta dengan perbelanjaan rawatan ditanggung oleh Kerajaan.
- (h) Perbelanjaan Perjalanan Pengangkutan:
 - (i) Tambang kapal terbang kelas satu (1) bagi diri dan isteri dari Pulau Pinang ke tempat bermastautin dan kelas ekonomi bagi anak-anak dan orang gaji;
 - (ii) Semua perbelanjaan membungkus dan pengangkutan harta alih dan barang-barang sendirinya termasuk bayaran upah pekerja, bayaran insurans yang timbul berkaitan dengannya. Kos perbelanjaan adalah sebanyak RM150,000.00; dan
 - (iii) Tambang sebenar yang timbul berkaitan dengan pengangkutan kenderaan-kenderaan sendiri.
- (i) Kemudahan pinjaman membeli kenderaan tertakluk kepada pinjaman maksima RM70,000.00 atas syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

- (j) Ganjaran dibayar berasaskan formula $\frac{1}{48} \times \text{gaji} \times 12 \times \text{tempoh perkhidmatan}$ tidak melebihi 72 bulan gaji dan bayaran tambahan RM10,000.00 bagi setiap tahun tempoh perkhidmatan.

Disamping itu, kos renovasi kediaman peribadi mantan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di Putrajaya telah diluluskan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM500,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

16. Nyatakan kedudukan defisit kewangan Kerajaan Negeri terkini dengan adanya baki RM50 juta pada awal tahun 2025 untuk dibelanjakan dan dari manakah sumber kewangan baru?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Baki Akaun Hasil Disatukan Negeri pada awal tahun 2025 adalah sebanyak RM155.94 juta, iaitu lebih tinggi daripada jumlah yang dianggarkan oleh Kerajaan Negeri semasa Bajet Negeri Tahun 2025 yang dibentangkan pada 22 November 2024. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh terdapat beberapa hasil Kerajaan Negeri, terutama Hasil Bukan Cukai, iaitu bayaran premium tanah yang sebelum ini dijangka tidak dapat dikutip pada tahun 2024, tetapi telah dibayar sebahagian atau sepenuhnya oleh pihak berkaitan. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada 2 Mei 2025 adalah berjumlah RM199.26 juta setelah mengambil kira terimaan hasil berjumlah RM327.38 juta berbanding perbelanjaan sebanyak RM284.06 juta. Oleh itu, Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan hasil atau *surplus* sebanyak RM43.32 juta pada 2 Mei 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

17. Nyatakan elaun yang diterima oleh Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu setiap tahun sebelum PRN tahun 2023 dan selepas 2023 serta bilakah peruntukan Kerajaan Negeri akan dinaikkan kepada RM2 juta?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Sebelum Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023, elaun kehadiran yang diterima oleh Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu adalah sebanyak RM250 bagi Pengerusi dan RM200 bagi setiap Ahli Pesuruhjaya. Namun, selepas lantikan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang baru pada 1 September 2023, Pesuruhjaya Lembaga telah mengambil keputusan untuk tidak menerima sebarang elaun. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah menaikkan peruntukan kepada Lembaga Wakaf Hindu sebanyak RM2 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

18. Nyatakan bilangan dan jenis kenderaan serta kosnya yang dibeli oleh Kerajaan Negeri untuk Ahli EXCO dan pegawai kerajaan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Sebanyak 15 buah kenderaan jenis Toyota Camry 2.5V (AT) (CBU) telah diperolehi dengan jumlah perbelanjaan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Juta Tiga Ratus Sebelas Ribu Lapan Ratus Sembilan Puluh Lima sahaja (RM3,311,895.00) termasuk kenan cukai jualan dan duti eksais.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

19. Nyatakan jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada PDC dan sejak bila mulai berhutang sedangkan YAB Ketua Menteri sendiri menyatakan tidak ada berhutang sedemikian pada tahun 2023?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. Perkara yang dibangkitkan adalah mengenai perkongsian hasil antara Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi projek pembangunan Bayan Mutiara. Jumlah hasil projek bernilai RM1.07 bilion telah disalurkan ke dalam Akaun Hasil Kerajaan Negeri dalam tempoh tahun 2011 hingga 2018.

Sebahagian daripada hasil projek tersebut telah disalurkan kembali kepada PDC untuk pelaksanaan projek perumahan Skim Perumahan Mampu Milik atau *Affordable Housing Scheme* (AHS). Sebanyak enam (6) projek AHS telah dan sedang dilaksanakan iaitu, Bandar Cassia Fasa 1 di Batu Kawan; Teluk Kumbar, Bayan Lepas; Kampung Jawa, Butterworth; Pintasan Cecil, George Town; Mak Mandin, Seberang Perai dan Bandar Cassia Fasa 4, Batu Kawan.

Mekanisme penyaluran semula dan penyelesaian bahagian PDC daripada Kerajaan Negeri telah tertangguh sejak dari tahun 2011. Walau bagaimanapun, setelah beberapa siri perbincangan pada bulan Disember 2024 sehingga Mac 2025, didapati terdapat sejumlah hasil berkaitan yang masih perlu disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak PDC.

Justeru, PDC menerusi kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 16 April 2025 telah menuntut penyaluran hasil berjumlah RM494.4 juta melalui:-

- (a) Anggaran baki geran AHS berjumlah RM173.8 juta (bahagian Kerajaan Negeri berjumlah RM93.8 juta, dan sumbangan PDC, RM80 juta) yang digunakan untuk tujuan pembangunan AHS sedia ada, dan sedang dilaksanakan oleh PDC serta diperluaskan skopnya seperti berikut: -
 - (i) Pembangunan berkaitan perindustrian; dan
 - (ii) Pembangunan projek-projek berkepentingan rakyat (people-centric);
- (b) Bayaran balik kepada PDC iaitu baki RM320.6 juta melalui kontra hasil penjualan tanah bahagian Kerajaan Negeri membabitkan projek tebus guna tanah *Linear Waterfront Development* (LWD) yang mana jangkakan hasil Kerajaan Negeri daripada projek pembangunan tersebut adalah berjumlah RM1.3 bilion.

Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri pada MMK bertarikh 14 Mei 2025 telah bersetuju dengan mekanisme/kaedah penyelesaian dua (2) tuntutan PDC tersebut.

Mekanisme penyaluran semula dan penyelesaian berkenaan adalah melibatkan hasil Kerajaan Negeri yang diperoleh daripada projek Bayan Mutiara dan LWD. Ia tidak mengguna atau melibatkan sumber kewangan Kerajaan Negeri sedia ada. Dengan ini, ia tidak menjejaskan kedudukan kewangan semasa pihak Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

20. Nyatakan status tender terbuka semula ke atas penjualan 559 ekar tanah di Byram / Changkat, Seberang Perai Selatan selepas tender awal dibatalkan sungguhpun harga yang ditawarkan adalah lebih tinggi daripada harga *direct award* yang diberikan sebelum ini kepada UMECH Construction Sdn. Bhd.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Status terkini bagi tender *Request for Proposal* (RFP) secara terbuka adalah pengiklanan semula melalui surat khabar, laman sesawang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan media massa PDC bermula pada 10 Mac 2025 sehingga 14 Mei 2025. Tempoh pengiklanan adalah dua (2) bulan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

21. Nyatakan peratus penurunan jumlah pelancong ke Negeri Pulau Pinang semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini dan tempahan bilik hotel berbanding dengan tahun lepas.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Mengikut Laporan Analisis oleh Persatuan Hotel Malaysia, kadar penginapan secara purata bagi hotel-hotel terpilih di Pulau Pinang untuk bulan April 2025 ialah 60.3% berbanding dengan bulan April 2024 ialah 55.2%. Angka 60.3% telah melebihi angka purata kebangsaan untuk Malaysia iaitu 50.6%. Sebenarnya, Pulau Pinang mencatatkan angka kadar penginapan purata tertinggi daripada semua negeri dan Wilayah Persekutuan untuk bulan April 2025.

Sementara itu, bilangan penumpang keretapi furnikular Bukit Bendera pada Hari Raya Aidilfitri meningkat sebanyak 3.4% pada tahun 2025 berbanding tahun 2024. Pada tahun 2024, bilangan penumpang pada Hari Raya Aidilfitri (10 April 2024 hingga 16 April 2024) adalah seramai 42,712 penumpang, manakala pada tahun 2025 (31 Mac 2025 hingga 6 April 2025) mencatatkan seramai 44,146 penumpang.

Tumpuan pelancong di lokasi pelancongan utama di Pulau Pinang masih menunjukkan peningkatan dan membuktikan Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pilihan pelancong dalam musim perayaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

22. Nyatakan jumlah keuntungan setiap tahun oleh Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dan berapakah yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri serta kos perbelanjaan projek-projek PBBPP sejak ia ditubuhkan?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Maklumat keuntungan/kerugian Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), peruntukan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri dan peruntukan pembangunan yang diterima daripada Kerajaan Negeri adalah seperti di jadual berikut :

Tahun	Keuntungan/ (Kerugian)* (RM)	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri (RM)	Peruntukan Pembangunan daripada Kerajaan Negeri (RM)
2011	(124,931.00)	4,500,000.00	1,092,512.38
2012	(382,184.00)	9,000,000.00	4,641,050.45
2013	11,074,889.00	-	8,424,649.55
2014	6,405,066.00	-	9,570,601.62
2015	(189,865.00)	8,550,000.00	1,725,554.92
2016	408,030.00	11,000,000.00	8,110,465.62
2017	(2,229,701.00)	8,800,000.00	13,769,804.69
2018	6,106,297.00	10,000,000.00	10,275,453.33
2019	4,394,797.00	20,000,000.00	17,121,334.46

Tahun	Keuntungan/ (Kerugian)* (RM)	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri (RM)	Peruntukan Pembangunan daripada Kerajaan Negeri (RM)
2020	(1,063,183.00)	-	13,038,529.47
2021	(10,419.00)	-	2,215,645.78
2022	1,196,722.00	6,200,000.00	6,817,074.36
2023	174,253.00	11,200,000.00	6,685,963.02
2024	4,059,509.00	13,600,000.00	5,848,954.43
Jumlah		102,850,000.00	109,337,594.08

*Amaun keuntungan/kerugian adalah selepas sumbangan kepada Kerajaan Negeri dan sebelum cukai dikenakan.

Sejak ditubuhkan, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) selaku agensi pengurusan telah menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dan penyelenggaraan bagi mempertingkatkan kemudahan serta keselamatan kawasan Bukit Bendera. Fokus utama PBBPP adalah menaiktaraf kemudahan awam secara berfasa demi menampung keperluan pelancong yang kian meningkat dan menjamin kelestarian alam sekitar kawasan berkenaan.

Antara projek utama yang dilaksanakan meliputi:

- (i) Naik taraf stesen-stesen Bukit Bendera secara berperingkat;
- (ii) Menaik taraf kemudahan awam secara berfasa;
- (iii) Peningkatan dan penyelenggaraan sistem jalan dan *bypaths*;
- (iv) Penstabilan cerun-cerun yang terjejas teruk akibat ribut pada November 2017;
- (v) Kerja-kerja pembaikan serta naik taraf sistem perparitan;
- (vi) Landskap kawasan pelancongan utama;
- (vii) Kawalan trafik termasuk Jalan Jip; dan
- (viii) Kemudahan dan penyelenggaraan Laluan Warisan di Bukit Bendera.

Bagi tahun 2025, PBBPP telah menerima peruntukan sebanyak RM7.06 juta dan fokus utama PBBPP adalah kepada pembangunan semula Bangunan Astaka Bukit Bendera. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti, memperkemaskan operasi, serta menyediakan

ruang yang lebih selesa bagi menampung jumlah pengunjung yang semakin meningkat. Projek ini disasarkan siap pada hujung tahun 2026.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

23. Apakah status permohonan penjualan 30 ekar tanah PDC di Batu Kawan kepada Tzu-Chi Malaysia sebanyak RM40 sekaki persegi dan sebab ia masih belum dimuktamadkan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Pihak PDC telah mengemukakan draf *Purchase and Development Agreement (PDA)* kepada pihak Tzu-Chi pada 23 Januari 2025. Perjanjian PDA tersebut telah dipinda beberapa kali masing-masing pada 26 Februari 2025, 7 Mac 2025 dan draf terakhir PDA telah dikemukakan kepada Tetuan San & Associates (pihak peguam Tzu-Chi) untuk persetujuan pada 15 April 2025.

Perjanjian tersebut masih belum dimuktamadkan oleh pihak Tzu-Chi berdasarkan beberapa isu teknikal tidak dipersetujui. Bagi menyelesaikan perkara ini, satu mesyuarat koordinasi di antara YAB Ketua Menteri, PDC dan pihak Tzu Chi telah diadakan pada 6 Mei 2025. Justeru, beberapa perkara teknikal mengenai tuntutan rayuan Tzu-Chi telah diperhalusi dan dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Lembaga PDC Bil. 3/2025 bertarikh 15 Mei 2025 yang merangkumi:

Rayuan Tzu-Chi	Keputusan Mesyuarat Lembaga PDC
Tempoh pembangunan bagi Plot 2 diberikan lanjutan selari dengan Plot 1 iaitu sehingga tahun 2034. <i>*PDA Plot 1 adalah selama 15 tahun</i>	Diluluskan. Tempoh penyiapan projek tempoh 9 tahun dari tarikh PDA (2025) dan selari dengan tempoh pembangunan bagi Plot 1 iaitu sehingga tahun 2034.

<p>Tiada keperluan untuk Tzu-Chi membina jalan akses 30.48m</p>	<p>Tertakluk kepada keperluan MBSP/ kelulusan TIA. Sekiranya disyaratkan, maka pihak Tzu-Chi perlu bina jalan tersebut.</p>
<p>Peruntukkan kos sebanyak RM37 juta untuk pembinaan jalan termasuk kemudahan utiliti sepanjang Lingkaran Cassia Timur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Tzu-Chi perlu membina jalan termasuk kemudahan utiliti sepanjang 661.74 meter berhadapan Plot 1 dan Plot 2 sahaja; dan • Baki jalan dan utiliti yang tidak berhadapan plot 1 & 2 Tzu Chi akan dibina / ditanggung kos oleh PDC.
<p>Jalan yang menghubungkan Bandar Cassia ke BKIP3 dibina oleh PDC</p>	<p>Tiada akses jalan ke BKIP3 dalam pelan induk PDC terkini tetapi digantikan dengan parit monsun selebar 31 meter:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tzu-Chi perlu membina parit sepanjang 10m dan menanggung kos pembinaan seperti yang dipersetujui dalam PDA bertarikh 26 Jun 2019 untuk Plot 1. • PDC akan membina parit monsun 31m dengan kos pembinaan parit 10m akan ditanggung oleh pihak Tzu-Chi.

Oleh yang demikian, perkara ini akan dimaklumkan kepada pihak Tzu-Chi untuk dimuktamadkan bagi membolehkan PDA ditandatangani dengan segera.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

24. Nyatakan sama ada benar kerja projek pembinaan LRT Pulau Pinang dan pembesaran LTAPP telahpun dilewatkan selepas upacara pecah tanah dilangsungkan baru-baru ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Status terkini projek LRT adalah proses pengambilan tanah telah diwartakan bagi Seksyen 8 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang bersama pihak MRT Corporation (MRTC) bagi lot-lot yang terlibat dengan jajaran LRT Segmen 1 iaitu dari Komtar ke Permatang Damar Laut.

Kebenaran mengguna melibatkan tanah-tanah kerajaan telah diberikan kepada MRTC bagi 86 lot setakat ini. Selain itu, langkah-langkah bagi kerja awal sedang diusahakan selepas mendapat kelulusan dibawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Pada masa yang sama projek LRT Laluan Mutiara yang merentasi kawasan Batu Uban kini berada dalam fasa persiapan awal di mana salah satu aspek penting dalam kerja-kerja pra-pembinaan ialah pemindahan utiliti sedia ada, yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja pembinaan stesen atau jejambat dapat dimulakan.

Pihak MRTC juga memaklumkan bahawa kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2025, manakala

pembinaan berskala besar dijangka bermula pada suku keempat tahun 2026.

Kerja-kerja bagi projek menaiktaraf dan pembesaran LTAPP telah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang telah dirancang ('*on track*').

Setakat 12 April 2025, kerja-kerja pembinaan dibahagikan kepada 3 pakej kerja dengan status terkini seperti berikut:

- i. Pakej 1 *Enabling Works* meliputi kerja infrastruktur dan juga pembinaan bangunan sokongan seperti pejabat Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Meteorologi Malaysia. Kontraktor bagi pakej ini telah dilantik dan telah memulakan kerja di tapak pada 30 Julai 2024 dengan kemajuan kerja semasa sebanyak 36%;
- ii. Pakej 2 pula merangkumi kerja *Pavement* bagi pembesaran kawasan parkir pesawat. Kontraktor juga telah dilantik, tarikh mula di tapak pada 2 Januari 2025 dengan status kemajuan semasa sebanyak 3%; dan
- iii. Pakej 3 yang merupakan pakej terbesar bagi projek ini melibatkan pembesaran bangunan terminal, parkir kenderaan awam, dan juga kerja infrastruktur. Pada waktu ini, pihak MAHB kini sedang dalam proses penyediaan dan mengemaskini dokumen tender.

Projek ini dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir Jun 2028.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

25. Nyatakan sama ada semua cadangan kadar kenaikan oleh Kerajaan Negeri seperti cukai tanah akan ditangguhkan demi mengurangkan beban kewangan kepada rakyat selepas mulanya perang tarif oleh Amerika Syarikat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

25. CUKAI TANAH

Kerajaan Negeri Pulau Pinang belum mengumumkan sebarang penangguhan terhadap cadangan kenaikan kadar cukai tanah meskipun terdapat kebimbangan mengenai beban kewangan rakyat akibat perang tarif oleh Amerika Syarikat. Kadar cukai tanah baharu dijadualkan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 namun cadangan kadar cukai baharu masih belum dimuktamadkan lagi oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meringankan beban pemilik tanah. Antaranya adalah:

- (a) Pengecualian 100% tunggakan denda cukai tanah dan cukai petak bagi pembayaran antara 2 Januari 2025 sehingga 31 Mei 2025; dan
- (b) Inisiatif pemberian diskaun bagi permohonan lanjutan tempoh pajakan bagi tanah kategori perniagaan dan perindustrian. Bagi kategori perniagaan, layak menerima diskaun di antara 70% hingga 80% manakala kategori perindustrian pula

ditawarkan 50% hingga 75% berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

TARIF AIR

Kadar kenaikan tarif air adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang mengawal selia industri perkhidmatan air di Malaysia namun tertakluk kepada Kerajaan Negeri. Kenaikan ini sedikit sebanyak akan memberi impak kepada rakyat khusus kepada penduduk Negeri Pulau Pinang namun kenaikan ini adalah perlu untuk memastikan perkhidmatan air beroperasi dengan baik dan hasil tambahan kenaikan tarif tersebut akan digunakan untuk menampung kos pembangunan infrastruktur pembekalan air dan penyelenggaraan sistem pembekalan air.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) meneruskan inisiatif melalui pemberian rebat kepada golongan tertentu melalui syarat-syarat yang diperuntukkan bagi mengurangkan beban kenaikan tarif air yang dikenakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

26. Nyatakan jumlah wang yang diberikan kepada RIBI oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2018.
- (a) Adakah ia akan dinaikkan kepada RM10 juta setahun? Jika tidak, mengapa?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Berdasarkan statistik Bantuan Kewangan Tabung Amanah/ Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang yang direkod oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, sebanyak RM12,292,928.12 peruntukan telah disalurkan kepada 285 buah RIBI bagi kegunaan kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan kecemasan sejak tahun 2018 sehingga kini. Perincian peruntukan RIBI mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	RIBI
2018	2,616,387.80	58
2019	1,978,142.12	44
2020	634,163.20	13
2021	1,429,925.00	30
2022	663,280.00	15
2023	1,357,030.00	28
2024	3,614,000.00	97
JUMLAH	12,292,928.12	285

- (a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan tahunan khusus bagi Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Dana tabung ini diperoleh daripada caruman pihak pemaju yang tidak dapat menyediakan tapak untuk pembinaan RIBI seperti yang ditetapkan dalam syarat pembangunan.

Kerajaan Negeri telah komited dalam Manifesto 40 untuk menyalurkan peruntukan berjumlah RM10juta sepanjang tahun 2023 hingga 2028 melalui tabung ini bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf Rumah Ibadat Bukan Islam. Setakat ini, jumlah dana sedia ada adalah mencukupi untuk memenuhi permohonan yang diterima.

Oleh itu, tiada keperluan buat masa ini untuk menaikkan peruntukan kepada RM10juta setahun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

27. Sejauh manakah usaha Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) untuk mengharumkan nama Bukit Bendera di peringkat antarabangsa khususnya pengiktirafan oleh badan-badan antarabangsa?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Bukit Bendera merupakan pusat pelancongan ikonik yang menjadi pilihan pengunjung dari dalam dan luar negara. Saban tahun jumlah pengunjung ke Bukit Bendera semakin meningkat. Pelbagai usaha dilakukan oleh Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dalam usaha menjadikan Bukit Bendera sebagai kawasan pelancong bertaraf antarabangsa.

Bukit Bendera dan kawasan sekelilingnya telah diisytiharkan secara rasmi sebagai Rizab Biosfera Bukit Bendera (PHBR), yang merupakan tapak rizab biosfera negara yang ketiga oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di bawah Program Manusia dan Biosfera (MAB) pada Mesyuarat *The 33rd Session of the Man and the Biosphere Programme International Coordinating Council (MAB-ICC)* yang diadakan di Abuja, Nigeria pada 13 September 2021 hingga 17 September 2021. Dengan pengisytiharan tersebut, PBBPP melalui Pejabat PHBR telah mengambil bahagian dalam pelbagai program antarabangsa, sama ada secara fizikal atau atas talian bagi mempromosikan dan mengharumkan nama Bukit Bendera khususnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.

PBBPP turut menganjurkan pelbagai program yang signifikan sebagai usaha untuk meningkatkan jumlah pengunjung tempatan dan antarabangsa. *Penang Hill Festival* (PHF) merupakan salah satu acara yang dianjurkan oleh PBBPP sejak tahun 2018 dan memasuki edisi keenam tahun ini. Acara ini terus meraih momentum serta menarik pelancong tempatan dan antarabangsa dengan membawa tema utama iaitu menghargai sejarah, alam semula jadi dan budaya.

Selain itu, PBBPP turut menganjurkan *Penang Hill Heritage Forest Challenge* (PHHFC) sejak tahun 2014 sebagai acara tahunan yang menjadi tarikan kepada pencinta alam semula jadi dan pelari denai. Acara ini menawarkan peluang untuk meneroka laluan hutan semula jadi yang menghijau di Bukit Bendera. Sejak pengiktirafan Bukit Bendera sebagai tapak Rizab Biosfera, penyertaan untuk acara ini semakin mendapat sambutan di peringkat antarabangsa. PHHFC edisi tahun 2024 telah mencatat penyertaan memberangsangkan seramai 946 peserta, termasuk pelari dari 18 buah negara seperti Jepun, United Kingdom, Thailand, Singapura, Filipina, Belanda, Ireland, Amerika Syarikat, India, Indonesia, Vietnam, Jerman, Perancis dan Austria. PBBPP terus berusaha untuk mempromosikan acara ini di peringkat antarabangsa sebagai salah satu inisiatif bagi menarik lebih ramai penyertaan dari luar negara, sekali gus memperkukuh kedudukan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan bertaraf dunia.

PBBPP sentiasa berusaha memperkukuh penglibatan Bukit Bendera di peringkat antarabangsa melalui pelbagai inisiatif strategik, antaranya termasuk:

- (a) Bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Pulau Pinang serta *Tourism Malaysia* Wilayah Utara untuk menyertai acara dan sesi libat urus bagi mempromosikan Bukit Bendera kepada ejen pelancongan antarabangsa;
- (b) PBBPP turut menjalin kerjasama dengan *Penang Global Tourism* (PGT) bagi mempromosikan Bukit Bendera di peringkat global. PGT akan mempromosikan maklumat serta daya tarikan Bukit Bendera melalui penyertaan dalam program di luar negara seperti Jepun, Korea, China, Indonesia, Thailand dan Singapura;

- (c) Kereta api funikular Bukit Bendera turut diiktiraf sebagai salah satu daripada 10 funikular paling cantik di dunia oleh majalah pelancongan antarabangsa, *Travel + Leisure*. Kereta api funikular Bukit Bendera adalah satu-satunya funikular di Malaysia dan Asia Tenggara yang menerima pengiktirafan. Pengiktirafan ini meletakkan tarikan di Bukit Bendera ini sebaris dengan *The Peak Tram* di Hong Kong yang turut tersenarai dalam senarai ini;
- (d) Membantu dan menyelaras sesi rakaman video promosi Bukit Bendera oleh pelbagai pihak seperti Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC), *Tourism Malaysia*, Radio Televisyen Malaysia (RTM), *AirAsia*, *Malaysia Airlines* dan lain-lain bagi tujuan promosi di platform nasional dan antarabangsa, termasuk penyertaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam Ekspo Dunia 2025 di Osaka, Jepun;
- (e) Menggunakan platform pihak ketiga seperti platform *Viator* untuk memperluas capaian promosi Bukit Bendera kepada pasaran antarabangsa;
- (f) Menerbitkan buku-buku bertemakan Bukit Bendera dengan kerjasama penulis kelahiran Pulau Pinang. Buku-buku tersebut adalah:
 - (i) *The Great Hill: A Short History of Penang Hill* oleh Enzo Sim; dan
 - (ii) *Penang Hill Railway: 100 Years of Transformation* oleh David Loh, Rebecca Lee dan Koay Su Lyn.
- (g) Mengambil inisiatif untuk menghantar pencalonan artikel kepada *International Railway Journal*, memaparkan keunikan dan pencapaian Bukit Bendera dalam pengangkutan rel bukit; dan
- (h) Selain itu, PBBPP juga telah berjaya memperoleh beberapa anugerah seperti *Penang Hill Gallery@Edgecliff* telah dianugerahkan pensijilan Index Bangunan Hijau (GBI) dan merupakan bangunan bersejarah pertama di Malaysia yang menerima pengiktirafan tersebut. PBBPP turut menerima

Anugerah EMAS bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA). PBBPP juga telah memperoleh sijil ISO bagi ISO 45001:2018 *Occupational Health and Safety Management Systems*, ISO 9001:2015 *Quality Management Systems*, ISO 14001:2015 *Environmental Management Systems* dan ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems*.

Melalui pelbagai usaha dan pendekatan bersepadu ini, PBBPP terus mengukuhkan imej Bukit Bendera di mata dunia sebagai destinasi warisan dan eko-pelancongan yang bertaraf antarabangsa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

28. Nyatakan kemajuan ke atas usaha mengekalkan feri-feri lama ikonik dan berwarisan yang sedia ada dan kos yang terlibat.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah menyerahkan sebuah feri ikonik iaitu Feri Pulau Angsa kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pemuliharaan feri tersebut. Susulan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri (CMI) telah melaksanakan *Request for Proposal* (RFP) untuk pelantikan operator bagi melaksanakan pembaikan, pemuliharaan dan pembangunan feri tersebut sebagai produk pelancongan bagi memaksimumkan penggunaan aset sedia ada di samping memajukan sektor pelancongan dan meningkatkan sosio-ekonomi.

Feri Pulau Angsa yang kini berada di Pangkalan Raja Tun Uda, George Town akan dibaik pulih terlebih dahulu oleh Syarikat Pierfront Sdn Bhd. Pembaikan ini bertujuan untuk meningkatkan aspek keselamatan feri dan mengelakkannya karam. Feri ini akan dijadikan restoran di Gurney Bay Fasa 2. Kesemua kos pembaikan dan pembangunan semula feri tersebut adalah ditanggung oleh syarikat dengan anggaran kos berjumlah RM5.0 juta. Kerajaan Negeri akan menerima hasil melalui pajakan feri tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXIV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

29. Nyatakan jumlah yang diberikan kepada Hospital Besar Pulau Pinang dan Klinik Kesihatan sejak tahun 2018 dan adakah peruntukan tambahan dicadangkan untuk memantapkan kemudahan 10 mesin fisioterapi bernilai RM1.5 juta yang diderma oleh One Hope Charity dan Ahli-ahli Parlimen DAP?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Bagi tahun 2018 hingga 2024, tiada peruntukan diterima oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) daripada pihak luar selain daripada Jabatan dan Agensi Kerajaan. Bagi memantapkan kemudahan sepuluh (10) mesin fisioterapi bernilai RM1.5 juta yang telah disumbangkan oleh Ahli-ahli Parlimen dan *One Hope Charity*, setakat ini tiada peruntukan tambahan daripada pihak kesihatan yang diluluskan. Namun, cadangan peruntukan tambahan amat digalakkan dengan melibatkan kerjasama semua pihak terutama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat.